

KSN dahului 651 senarai penerima pingat, darjah kebesaran Melaka

Panglima ATM antara penerima DGSM bawa gelaran Datuk Seri

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar mengetuai senarai 651 penerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri sempena hari jadi Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam ke-75 semalam.

Shamsul Azri dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat yang diadakan di Balai Istiadat Seri Negeri, di sini turut menyaksikan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohammad Ab Rahman menerima DGSM.

Turut menerima DGSM ialah bekas Ahli Parliman Kuala Selangor yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim serta ahli perniagaan, Datuk Seri Lim Yeow Siong dan Datuk Seri Dr Shum Che Kok.

Isteri Ketua Menteri, Datin Seri Zuriyah Abdul Aziz pula mengetuai senarai penerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira.

Penerima lain DCSM ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong; Pengarah Kewangan UM-



Tun Mohd Ali mengurniakan Darjah Gemilang Seri Melaka kepada Shamsul Azri di Balai Istiadat Seri Negeri di Ayer Keroh, semalam. (Foto BERNAMA)

NO merangkap Pengerusi Kumpulan Ranchan Maritime Sdn Bhd, Datuk Shahrul Azuwar Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Roslan Abdul Rahman serta ahli perniagaan yang juga suami pelakon Heliza Helmi, Datuk Seri Mahadi Badrul Zaman.

Turut menerima DCSM adalah Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Salhah Salleh; Ahli Majlis Ulama UMNO, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali; bekas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu; Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang di-Pertuan Agong, Datuk Nazim Mohd Alim serta ahli perniagaan, Datuk Choong Wai Hoong dan Datuk Lee Eng Huat.

Ketua Pemuda UMNO yang ju-

ga ADUN Merlimau, Dr Muhammad Akmal Saleh pula antara dianugerahkan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) membawa gelaran Datuk.

Turut menerima DMSM ialah Duta Besar Malaysia ke Itali, Datuk Zahid Rastam; EXCO Bella, Sukun dan NGO negeri, Datuk VP Shanmugam; EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Datuk Ngwe Hee Sem; Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mohd Radzi Abdul Hamid serta Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Datuk Zamri Bakar.

Penerima DMSM lain ialah ahli perniagaan, Datuk Noor Zakariah Hasan; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Dr Abdul Gapar Abu Bakar; ahli perniagaan, Puan Sri Maznah Ismail

dan Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam KDN, Datuk Zulkifli Abidin.

171 terima DPSM

Seramai 171 individu menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk antaranya ADUN Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil; Pegawai Daerah Alor Gajah, Sabrina Thalass; Setiausaha MBMB, Datuk Ahmad Azlan Ahmad Salleh.

Turut menerima DPSM adalah Penaung Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) KDN, Datin Seri Norhayati Musa; isteri Ketua Polis Negara, Puan Sri Zainah Othman serta pelakon, Remy Ishak atau nama sebenarnya Mohammad Zallime Ishak.

Seramai 42 individu dianuge-



Mohammad Ab Rahman



Zuriyah Abdul Aziz



Irmohizam Ibrahim



Dr Akmal Salleh

rahan Darjah Seri Melaka (DSM) termasuk Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Tunku Abaidah.

Seramai 62 individu menerima Bintang Cemerlang Melaka (BCM), 104 Bintang Khidmat Terpuji (BKT) termasuk pelakon, Ashraf Muslim, 175 penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 97 penerima Pingat Bakti Masyarakat (PBM) dan lima Pingat Khidmat Lama (PKL).

Beberapa pengamal media turut menerima anugerah kebesaran negeri, iaitu wartawan sambutan New Straits Times Press (NSTP) Melaka, Nazri Abu Bakar (BCM); wartawan Malaysia Gazette Melaka, Rizanizam Abdul Hamid dan wartawan Melaka Hari Ini (MHI), Mohd Faiz Abu Hasan menerima PJK.